

30/05/2002

Korporat diminta bantu golongan tidak bernasib baik

KUALA LUMPUR, Rabu - Sektor korporat perlu membantu golongan tidak bernasib baik di negara ini bagi membolehkan mereka turut menikmati kehidupan lebih baik sama seperti orang lain, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad,

Perdana Menteri berkata, ia adalah antara cara boleh dilakukan oleh sektor korporat untuk menyumbang kepada masyarakat yang membolehkan mereka menjalankan perniagaan dan mendapat keuntungan.

"Sementara kita boleh berniaga dan mencari keuntungan, kadangkala (untung) besar, kita tidak boleh lupa bahawa tanpa masyarakat kita tidak boleh berniaga. Kita boleh berniaga kerana kita wujud dalam masyarakat yang memberi peluang kepada kita mendapat manfaat dan membuat keuntungan.

"Oleh itu, apabila kita mendapat keuntungan daripada masyarakat, maka kita perlu menyumbang balik kepada masyarakat," katanya pada majlis Makan Malam Amal 2002 Yayasan S P Setia di sini, malam ini.

Turut hadir Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu: Pengerusi Kumpulan S P Setia Bhd, Datuk Abdul Rashid Abdul Manaff: Ahli Lembaga Amanah Yayasan S P Setia, Datuk Lee Lam Thye dan Pengerusi Jawatankuasa Makan Malam Amal, Tan Sri Zaki Tun Azmi.

Yayasan S P Setia berjaya memungut RM3.9 juta menerusi majlis amal itu yang bertujuan mengisi dana membantu golongan tidak bernasib baik.

Pada majlis itu juga, Kumpulan S P Setia Bhd menyampaikan sumbangan RM300,000 kepada Badan Amal Kebajikan Isteri Menteri (Bakti) dan RM100,000 kepada Maju Institute of Education Development (MIED).

Sumbangan itu disampaikan oleh Abdul Rashid kepada Dr Mahathir yang menerima bagi pihak Bakti dan Samy Vellu yang juga Pengerusi MIED.

Dr Mahathir berkata, golongan tidak bernasib baik wujud dalam masyarakat perlu sentiasa diingati dan dibantu supaya hidup mereka menjadi lebih bermakna.

Katanya, bantuan dalam bentuk biasiswa atau elaun wajar diberi kepada mereka, terutama kanak-kanak yang bersekolah bagi membolehkan mereka menyediakan diri untuk masa depan yang lebih baik.

(END)